

21/09/2002

Pemimpin sambut baik pengumuman

MENTERI Besar dan pemimpin peringkat negeri mengangap Bajet 2003 yang dibentang Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dewan Rakyat semalam sebagai kesinambungan tradisi membela rakyat.

Di KANGAR, Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim, memberitahu Bernama Bajet 2003 bukan saja sebagai mesra rakyat, malah paling agung dalam sejarah negara.

Katanya, penekanan yang diberikan kepada golongan termiskin serta ibu tunggal membuktikan belanjawan itu penuh dengan nilai kemanusiaan.

Di ALOR STAR, Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, berkata kerajaan negeri menyambut baik projek perintis mendirikan rumah kampung tersusun di Kedah, dan menyifatkannya sebagai satu projek yang menguntungkan rakyat terutama yang berpendapatan rendah.

Di KUANTAN, Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob, berkata bajet itu akan membantu pembangunan negara di samping menerap nilai perpaduan di kalangan rakyat melalui pelbagai program yang dicadangkan.

"Kita minta semua rakyat untuk menerima dengan baik belanjawan itu yang jelas dibuat untuk rakyat," katanya kepada Bernama.

Di SEREMBAN, Menteri Besar Negeri Sembilan, Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad, berkata penurunan atau pengecualian pelbagai jenis cukai yang diumumkan itu akan menjana ekonomi negara dengan menarik kemasukan lebih ramai pelabur asing.

DI PULAU PINANG, Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, berkata Bajet 2003 memberi faedah besar kepada negeri itu berikutan ekonominya berorientasikan sektor pembuatan.

"Saya juga mengalu-alukan langkah mengemas kini dan meningkatkan kecekapan prosedur kastam serta keupayaan pengangkutan kargo udara supaya mengurangkan kos perniagaan.

"Ini akan menjadikan Malaysia amnya dan Pulau Pinang khususnya, lebih kompetitif dan berdaya saing," katanya.

Di MELAKA, Pengerusi Jawatankuasa Kebudayaan dan Pelancongan negeri, Datuk Hamdin Abdollah ketika dihubungi di China, berkata penubuhan Dana Khas Pelancongan sebanyak RM200 juta hingga RM400 juta dan Dana Infrastruktur Pelancongan sebanyak RM200 juta dapat membantu memajukan sektor pelancongan Melaka.

Di JOHOR BAHRU, Pergerakan Pemuda Umno Johor mengangap bajet itu sebagai belanjawan holistik yang memberi penekanan kebajikan golongan kurang upaya dan rakyat miskin.

Ketuanya, Ayub Rahmat, berkata pembangunan golongan belia juga diberi perhatian menerusi pembinaan 33 Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dan pembiayaan komputer.